No. Penerimaan 537/85

TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS menulis...

Menghormati yang lebih tua dari kita, apatah lagi pemimpin negara, amalan wajib dalam masyarakat Melayu

Mematuhi disiplin tidak akan dapat dijayakan dengan kata2 merdu. Tak juga dengan laungan memecah angkasa

TEMA HARI BELIA TAHUN INI TERNODA...

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

■ Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, di Hari Belia, di Stadium Negara 15 Mei lalu.

TANGGAL 15 Mei setiap tahun adalah 'Hari Belia'. Majlis Belia Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan acara sambutannya. Dalam perhimpunan, bergemalah ikrar menjanjikan seribu harapan yang dilafazkan oleh ribuan belia mewakili ratusan pertubuhan di seluruh tanahair.

Setiap tahun pula, ikrar ini diperbaharui sesuai dengan azam yang teguh untuk mencapai matlamat perpaduan serta pembangunan negara.

Lafaz ikrar ini bukan sekadar untuk indah didengar saja, tetapi bolehlah digantungkan keyakinan: kalau bertali tempat menghela, kalau berumbai tempat berpaut!

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir, telah merasmikan 'Hari Belia' tahun ini. Seperti kebiasaannya, ucapan beliau banyak diselitkan dengan kata-kata istimewa yang menarik untuk dijadikan bahan renungan. Ketika merasmikan 'Hari Belia', beliau menegaskan "sebenarnya jika terdapat sikap sanggup bekerja, tidak ada seorang pun yang menganggur di Malaysia".

Kata-kata Perdana Menteri ini amat baik dijadikan panduan, khususnya kepada belia. Apa yang beliau rintihkan adalah bertepatan dengan masalah belia, di mana beliau sangat mengambil berat terhadap masalah tersebut.

KILANG

Industri perkilangan di negara kita kerapkali mengiklankan di akhbar-akhbar, malah di pintu-pintu kilangnya, memerlukan pekerja-pekerja. Ada di antaranya yang menaburkan risalah-risalah menawarkan pekerjaan kepada belia kita. Peluang pekerjaan amat jelas terbuka luas. Terpulanglah kepada belia kita untuk 'tepuk dada tanya selera', sehubungan dengan masalah pekerjaan ini.

Soal sekarang ialah, sama ada mahu bekerja atau tidak. Alasan tentang sukar mendapat pekerjaan tidak wajar ditimbulkan. Tuduhan yang direka-reka terhadap masalah pengangguran, terutama dari pihak pembangkang, ternyata tidak berasas.

Sekiranya belia memilih pekerjaan, itu adalah perkara lain. Untuk mengadakan pekerjaan sesuai dengan hajat di hati bukanlah tugas kerajaan, kerana tidak ada siapa pun dapat "mengajang batu sepulau".

Cubalah kita perhatikan negara jiran: atau jauh sedikit ke benua kecil India, Sri Lanka dan negara-negara yang berhampiran. Usah kita dibandingkan dengan negara-negara Afrika yang jauh lebih mundur dari negara-negara berkenaan. Kita boleh menilai perbezaan yang ketara antara negara-negara tersebut dengan negara kita.

Tidak perlu kita mengira dengan Ilmu Hisab yang payah untuk mencari formula tentang perbezaannya. Memadai dengan congak mudah saja, kita sudah boleh mendapatkan jawapan yang tepat. Peratus yang dikatakan menganggur di negara kita hanya sekadar 6% peratus saja, sekalipun angka ini dianggap besar oleh setengah-setengah pihak.

MENGANGGUR

Negara-negara maju di Eropah dan Amerika pun menghadapi krisis pengangguran yang lebih hebat dari negara kita. United Kingdom yang pernah menjadi 'tuan' kepada tiga suku negara-negara dunia suatu ketika dulu, pada masa ini menghadapi krisis pengangguran. Menurut perangkaan terakhir, lebih empat juta rakyat United Kingdom menganggur sekarang.

Istilah menganggur bagi negara-negara yang disebutkan di atas adalah benar-benar menganggur. Mereka betul-betul tidak mempunyai pekerjaan. Tidak seperti di negara kita di mana pengangguran walaupun wujud, tetapi dalam bentuk dan gambaran yang berbeza.

Sepanjang ingatan saya, sewaktu bertugas di Kementerian Buruh dulu, ada tiga macam atau kategori yang dapat diertikan dalam memahami pengangguran dan menurut apa yang terdapat dalam buku pendaftaran di Jabatan Buruh.

Pertama:

■ Mereka yang benar-benar tidak bekerja.

■ Mereka yang inginkan pekerjaan lebih baik.

■ Mereka yang mahu menukar pekerjaan lain dari kerja yang sedia ada.

Sama ada ia tepat atau tidak seperti gambaran yang dinyatakan ini, masih boleh dipersoalkan; bagaimana pun itulah corak dan warnanya.

Bagaimana dengan kedudukan belia dalam kategori pertama itu? Atau tertutupkah pintu pekerjaan untuk mereka? Jawabnya tidak perlu kita mengangakan mulut lebar-lebar untuk mengatakan 'tidak'.

Kemudian perhatikan pula kategori kedua dan ketiga. Apakah kategori ini membawa pengeritan pengangguran yang mutlak? Jawabnya tentulah tidak payah saya berikan. Sebenarnya, dalam banyak perkara tidak akan ada masalah kalau kita tidak menimbulkan masalah.

Dalam hubungan ini, di manakah salahnya teguran Perdana Menteri terhadap belia yang masih memilih pekerjaan? Belia seharusnya menyedari bahawa tidak "bulat yang datang menggolek, tidak ada pipih yang datang melayang" atau menunggu "bulan jatuh ke riba". Setiap kejayaan perlukan usaha, "kalau hendakkan sagunya mestilah sanggup memecahkan ruyung".

NEGARA LAIN

Dari lawatan saya ke beberapa negara, belum terdapat lagi program khusus diatur oleh kerajaan menyelesaikan masalah belia. Negara kita amat bertuah kerana kerajaan mempunyai program tertentu menyalurkan bantuan kepada belia.

Berbagai-bagai agensi, khususnya di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibentuk bagi mengendalikan masalah belia. Sekiranya ada sesiapa boleh menunjukkan adanya sebuah negara dapat dijadikan contoh lebih baik seperti terdapat di Malaysia, saya percaya kerajaan tidak akan teragak-agak bersedia meniru serta mempraktikkan di sini.

KKBS, umpamanya, mengelolakan rancangan 'Belia Berniaga', 'Belia Peladang' dan sebagainya. Dalam rancangan ini, belia bukan saja diberi latihan serta kursus tertentu, bahkan menyediakan cukup wang sebagai modal dan mendapatkan tempat yang sesuai bagi tapak perniagaan.

Kemudahan-kemudahan lain juga disediakan. Kerajaan membelikan motosikal bagi menjayakan rancangan belia niaga bermotosikal, di samping membantu wang modal.

LATIHAN

Latihan kemahiran bagi mempastikan para belia ini berkebolehan terdapat di bawah anjuran MARA, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Dengan adanya kemudahan 'di sekeliling pinggang', siapakah mahu disalahkan lagi kalau belia terus juga menganggur?

Memanglah terdapat juga projek belia ini gagal. Tetapi projek yang gagal itu jumlahnya kecil dari projek yang berjaya. Kita semua tahu "secantik dan seindah mana pun jembangan bunga, ada juga sekuntum dua yang layu". Bagaimanapun, janganlah yang gagal itu diperbesar-besarkan untuk melepaskan geram semata-mata.

Sepatutnya belia Bumiputera menyalahkan diri sendiri bila melihat kemunduran yang menyelubungi keadaan. Belia lain mencapai kejayaan dengan tidak mendapat apa-apa kemudahan yang disediakan, seperti latihan kemahiran, bimbingan dan sebagainya.

Belia yang sudah mendapat bimbingan kerajaan ternyata dapat memenuhi keperluan negara. Apakah rakan-rakan mereka yang lain masih berangan-angan seperti Mat Jenin. Janganlah akhirnya kelak belia Bumiputera menerima nasib "bertegak sama bantai, orang menyenjeng awak tidak".

Kalau asyik "menunggu nasi bersaji ke lutut", janganlah dikesalkan bila "awak baru memegang dayung, orang sudah sampai ke seberang". Kalau kita tidak mahu mengejar 'masa', janganlah harap masa akan menunggu kita.

BISING

Sebab itu belia harus menjadikan ucapan Dr. Mahathir ketika merasmikan 'Hari Belia' 15 Mei dulu sebagai ingatan paling berguna. Peristiwa Perdana Menteri meringkaskan ucapan akibat suasana bising yang dicetuskan oleh belia diharap tidak akan berulang lagi.

Nampaknya tema 'Hari Belia' tahun ini 'belia berdisiplin negara progresif' telah ternoda dengan peristiwa 'bising' itu. Kalau belia tidak menghormati Perdana Menteri (mungkin bukan demikian niatnya), bagaimanakah pula mahu mempraktikkan belia berdisiplin negara progresif? Bagaimana pun, peristiwa itu dilakukan oleh segelintir orang saja, tetapi janganlah kerana, "nila setitik, tumpah susu sebelanga pula".

Semua orang maklum, ekostik di Stadium Negara itu tidak begitu baik. Walaupun pendengarannya kurang jelas, namun setiap patah ucapan masih boleh didengar, sekiranya diberi perhatian sungguh-sungguh. Apa yang yang berlaku di Stadium Negara itu mencerminkan sikap kurang sopan belia sendiri, apatah lagi semasa pemimpin negara menyampaikan amanatnya.

Apa salahnya kita berdiam diri untuk beberapa waktu bagi membolehkan Perdana Menteri berucap. Sama ada mahu mendengarnya atau tidak; sama ada mahu bersikap "masuk telinga kiri keluar kanan' atau sebaliknya, adalah hak masing-masing.

Tetapi, menghormati yang lebih tua dari kita, apatah lagi pemimpin negara, adalah wajib dalam amalan masyarakat Melayu yang terkenal dengan budi bahasa dan sopan santunnya.

Mengapakah dalam saat Perdana Menteri berucap itu pula belia mahu bercakap dengan rakan-rakan di sebelah? Di manakah letak budi bahasa dan sopan santun bangsa yang dimegahkan selama ini?

SIKAP

Soalnya sekarang ialah, bukan masalah ekostik di Stadium Negara itu kurang baik, tetapi sikap belia yang terlibat itu sebnarnya tidak baik! Peristiwa demikian berlaku juga di Tampin semasa menyambut 'Hari Belia' ini. Ketika Menteri Besar dan pemimpin-pemimpin belia yang lain berucap, ketika inilah minuman dihidangkan. Sepatutnya perkara tersebut tidak berlaku supaya mengelakkan gangguan kepada orang lain yang mahu mendengar ucapan-ucapan pemimpin.

Sebenarnya sikap 'lalu lalang' di hadapan orang tua-tua bukanlah amalan baik. Sebab itulah dalam Adat Pepatih diterapkan 'pulai berpangkat baik, manusia berpangkat turun' sebagai tradisi bagaimana wajarnya menghormati orang-orang yang lebih tua dari kita.

ROHANIAH

Semua ini berpunca dari kurangnya didikan rohani di kalangan belia kita. Saya, dan tentunya ramai lagi orang lain, memang menyedari masalah kurangnya didikan rohani di kalangan belia ini. Pemimpin-pemimpin kita juga sering mengingatkan betapa perlunya didikan rohani, di samping jasmani, bagi memastikan disiplin di kalangan belia.

Ketika saya bertugas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dulu, perkara didikan rohani ini memang saya jadikan perkara penting. Bertolak dari kesedaran tersebutlah saya telah membentuk unit khas di KKBS bagi menyerapkan didikan dan amalan kerohanian dalam jiwa anak-anak muda.

Di sinilah lahirnya 'Nasrul Haq'. Sambutan yang diterima amat di laur dugaan. Ramai belia yang telah mengikuti amalan ini ternyata cukup berdisiplin, bertatatertib serta bermoral tinggi. Tetapi disebabkan adanya kalangan yang tidak senang dengan usaha-usaha ke arah kebaikan, maka berbagai alasan telah dibuat bagi melemahkannya.

(Saya tidak berhajat menghuraikan dengan terperinci mengenainya. Cukuplah saya katakan "perkara yang paling susah hendak dilakukan ialah membuat kebaikan". Bagaimana pun, Insya-Allah saya akan huraikan juga satu persatu di dalam sebuah buku nanti).

Mematuhi disiplin tidak akan dapat dijayakan dengan kata-kata lemak merdu. Tidak juga dengan laungan yang bergema memecah kesunyian angkasa. Malah, tidak juga dengan tema dan lambang-lambang yang menggetarkan perasaan. Tetapi, mestilah melalui amalan dan dipraktikkan menurut kaedah-kaedah kerohanian yang teguh.

Jika amalah kerohanian tidak meyerap dalam jiwa seseorang, janganlah diharap disiplin itu menjelma melalui tema yang dimegahkan.

"Seindah mana pun lambang dan slogan tidak akan mencapai kejayaan yang diharapkan, selain dari menjadi hiasan dan halua telinga saja".

TANGGUNGJAWAB

Dalam hubungan ini, belia sendiri seharusnya mencari didikan kerohanian agar tidak menjadi "gelegak rambutan jantan, orang berbunga, awak berbunga, orang berbuah awak tidak". Seperti kata fatwa pujangga: "Orang yang tidak berilmu, samalah seperti pohon yang tidak berbuah".

"Kerajaan pimpinan 2M amat jelas memberi perhatian kepada golongan belia. Kesempatan telah diberikan kepada tokoh-tokoh muda memikul tanggungjawab besar, di mana hal seperti ini tidak begitu meluas sebelumnya.

Penyertaan tokoh-tokoh muda memegang teraju negara adalah penghargaan kepada belia negara ini.

Adalah wajar penghargaan ini tidak disia-siakan oleh kalangan belia. Tanggungjawab telah diletakkan di bahu untuk sama-sama memikul peranan dengan bekerja keras demi mempertahankan maruah negara. Kita tidak akan dapat mempertahankan maruah itu sekiranya kita sendiri tidak bermaruah, seperti ditunjukkan di Stadium Negara pada 15 Mei lalu.

MARUAH

Seperkara yang harus diingat sehubungan dengan 'maruah' ini, ialah dalam usaha untuk naik ke atas. Biarlah sesuai dengan peraturan "berjenjeng naik, bertangga turun" dalam memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan. Cari dan buatlah tangga sendiri kalau mahu naik ke atas, jangan sekali-kali memijak tengkuk kawan sendiri.

Sikap 'menumit dari belakang' biasanya bukan saja menjatuhkan maruah diri sendiri, tetapi boleh menghancurkan cita-cita bangsa. Perpaduan belia, mahu pun badan-badan politik, tidak harus dinodai oleh sikap demikian.

Kepada belialah tumpahnya harapan negara untuk menyambung tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan tanahair. Hanya belia yang berhemah tinggi dan berbudi mulia saja dapat memikul tanggungjawab tertentu. Mereka harus mempunyai disiplin yang kukuh dalam meyakinan masyarakat, lebih-lebih lagi golongan tua.

Negara kita akan berbangga mendapat belia yang gagah untuk mewarisi kepimpinan. Gagah itu bukanlah bermakna kekuatan fizikal saja, tetapi merangkumi kekuatan jasmaniah dan rohaniah di atas tunggak budi serta maruah. Dalam hubungan ini, belia kita seharusnya berpegang kepada kata-kata: Orang tua dihormati, orang muda dikasihi, yang tua dituakan. Jika amalan demikian dapat dipraktikkan, tidak ada sesuatu apa pun yang hendak dipertikaikan, "sebarang kekusutan akan dapat diselesaikan dan yang keruh pasti akan dapat dijernihkan".■